

19/11/2000

Uganda mahu belajar dari Malaysia

ANTARA sebab utama Uganda berminat menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) ialah kerana mahu belajar bagaimana Malaysia berjaya membangunkan ekonominya dalam tempoh begitu singkat.

Pengarah Kerjasama Serantau Kementerian Luar republik itu, James Baba, berkata ketika Uganda mendapat kemerdekaannya pada 1962, pendapatan perkapita republik itu hampir sama dengan Malaysia.

Tetapi, katanya, kini Uganda jauh ketinggalan kerana pendapatan perkapita Malaysia kini hampir 50 kali ganda lebih tinggi berbanding Uganda.

"Jadi, kami mahu tahu apakah keajaiban yang digunakan Malaysia. Inilah sebab utama mengapa kami berminat dengan idea dialog perkongsian pintar ini," katanya di taklimat media mengenai LID 2000 yang kali ini turut dikenali sebagai Global2000-LID di sini, semalam.

Taklimat media itu turut disertai Pengerusi Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM) yang juga Pengerusi Bersama Pengendali Global2000-LID, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengendali dialog bersama yang lain dan fellow CPTM.

Baba berkata, manfaat utama yang diperoleh negara ahli terutama yang jauh ke belakang dari segi pembangunan ekonomi ialah mereka dapat belajar daripada rakan yang jauh lebih membangun melalui konsep perkongsian pintar.

Beliau berkata, Uganda berminat menjadi tuan rumah bagi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2001.

Seorang lagi pengendali dialog bersama yang juga bekas Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire berkata, Botswana berterima kasih kepada Malaysia terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana fungsi yang dilaksanakannya dalam dialog perkongsian pintar itu.

"Biasanya orang yang berjaya tidak akan mempedulikan orang lain, tetapi Malaysia tidak bersikap sedemikian.

"Walaupun sudah berjaya, Malaysia tidak tamak dan sanggup berkongsi dengan negara lain bagi memastikan mereka turut sama berjaya," katanya.

Beliau berkata, keadaan di Botswana kini jauh lebih baik sejak menyertai dialog perkongsian pintar itu.

Sementara itu, Dr Omar yang juga Penasihat Sains Perdana Menteri berkata, selain menumpukan kepada dua isu global, iaitu globalisasi dan k-ekonomi, Global2000-LID kali ini yang bertemakan "Arah Aliran Global dan Ekonomi baru Muncul" akan turut mengkaji kemungkinan menubuhkan kumpulan kepentingan bersama di kalangan menteri kanan negara peserta dialog.

Katanya, dalam isu k-ekonomi, perbincangan antara lain akan menumpukan kepada cara untuk merapatkan jurang digital di kalangan negara peserta melalui perkongsian pintar.

(END)